

(<https://news.usm.my>)

Berita Mutakhir

23 DEC ORANG RAMAI DISERU BERI SUMBANGAN TABUNG ROHINGYA USM



USM, KUBANG KERIAN, 22 Disember 2016 - "Warga Universiti Sains Malaysia (USM) dan orang ramai diseru untuk menyumbang kepada tabung kemanusiaan Rohingya bagi meringankan beban dan tangisan umat Islam Rohingya yang sedang sengsara, ketakutan dan kelaparan di samping mendoakan kesejahteraan mereka," kata Pengarah Pusat Islam USM, Profesor Madya Dr. Sofri Yahya dalam ucapan perasmian sempena ceramah perdana 'Darah dan Tangisan Rohingya' di sini hari ini.

"Melalui program ini, pelbagai maklumat dapat dikongsi bersama warga kampus dan orang ramai keseluruhannya berkaitan penderitaan dan situasi semasa yang menimpa umat Islam di seluruh dunia khususnya yang paling hampir dengan kita iaitu etnik Rohingya yang diusir dari kampung halaman oleh

tentera Myanmar tanpa berperikemanusiaan," katanya yang menyifatkan program sebegini sangat digalakkan pihak pengurusan universiti kerana sesuai dengan salah satu teras APEX iaitu nilai kemanusiaan yang perlu dihayati oleh setiap warga USM.





Tambahnya lagi, untuk menjadi umat islam yang hebat di sisi Allah SWT, salah satu daripada sunnah yang dianjurkan oleh Rasulullah SAW ialah menyumbang kepada orang lain, lebih-lebih lagi kepada umat islam yang dalam kesusahan dan hidup menderita sama ada menyumbang dalam bentuk kewangan, makanan, harta, idea, kepakaran ilmu dan teknologi, serta sumbangan masa dan tenaga sebagai sukarelawan tanpa mengharapkan upah.

Program yang dianjurkan oleh Pusat Islam Kampus Kesihatan dengan kerjasama daripada Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (MAPIM) ini diadakan di Auditorium Blok Pentadbiran Hospital USM dan dihadiri kira-kira 200 peserta.





Yang turut hadir adalah Dekan Pusat Pengajian Sains Perubatan, Profesor Dr Shaiful Bahari Ismail dan Timbalan Pengarah Pusat Islam Kampus Kesihatan, Profesor Madya Dr. Wan Nudri Wan Daud.

Teks: Mohd Hafiz Yaacob / Foto: Abdul Hasib Abdul Rahman



Share This

Pusat Media dan Perhubungan Awam / Media and Public Relations Centre

Level 1, Building E42, Chancellory II, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang Malaysia

Tel : +604-653 3888 | Fax : +604-658 9666 | Email : pro@usm.my (<mailto:pro@usm.my>).

Laman Web Rasmi / Official Website : [Universiti Sains Malaysia](http://www.usm.my) (<http://www.usm.my>).

[Client Feedback / Comments](http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp) (<http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp>) | USM News Portal. Hakcipta Terpelihara USM 2015